



Bagaimana usaha anda untuk menangani maklumat yang tidak benar pada minggu ini? Adakah anda melihat perubahan dalam cara anda berfikir semasa membaca berita atau bercakap dengan rakan anda?

Ia mungkin sukar untuk berbual dengan seseorang yang mengatakan sesuatu yang salah, tetapi percaya apa yang mereka katakan itu betul. Sesetengah orang bersikap mempertahankan diri jika diberitahu bahawa mereka salah atau telah melakukan kesilapan.

Berikut adalah beberapa cara yang terbukti berkesan menghasilkan perbualan positif yang lebih berkemungkinan membuatkan seseorang mengubah fikiran mereka:

1. **Tanya soalan terbuka** tentang sebab mereka menganggap maklumat yang mereka kongsi itu penting: "Beritahu saya dengan lebih lanjut sebab awak kongsi maklumat ini di Facebook."
2. **Akui kerisauan mereka dan beri tindak balas** supaya mereka merasa difahami.: "Saya faham awak risau tentang COVID-19 dan sedang mencari maklumat yang tepat untuk menjaga keselamatan awak."
3. **Puji mereka atas usaha mereka.** "Bagus kerana awak cuba berkongsi perkara yang awak tahu dengan orang lain untuk membantu mereka kekal sihat juga."
4. **Tanya jika anda boleh kongsi beberapa maklumat dengan mereka** yang menjelaskan maklumat yang mereka kongsi mungkin tidak bermanfaat. "Bolehkah saya beri beberapa maklumat, berdasarkan apa yang awak kongsi dengan saya?"
5. **Pastikan mereka faham** kepentingan untuk berhati-hati dengan maklumat yang salah. "Berdasarkan apa yang baru kita bincangkan, apa pendapat awak sekarang tentang berkongsi khabar angin seperti ini?"
6. **Ringkaskan dan jelaskan tindakan yang mereka akan ambil.** "Bagus kerana awak buat keputusan untuk memastikan maklumat berdasarkan fakta sebelum memberitahunya kepada orang lain; ini akan betul-betul membantu menjaga kesihatan awak dan orang tersayang."

Petua untuk bercakap dengan seseorang yang berkongsi maklumat tidak benar tentang COVID-19 dan mempromosikan fakta itu:	
Sila...	Jangan...
... ambil pendekatan yang 'membimbing'	... bertengkar
... bina kepercayaan	... beritahu mereka apa yang mereka perlu buat
... terokai keraguan dan minat mereka	... abaikan kebimbangan dan kerisauan mereka
... ambil masa untuk memikirkan pendapat mereka	... tergesa-gesa atau lupa untuk mendengar

Kami harap ini dapat membantu!